



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-46

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

24 Mac 2021



PENGENALAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

1. Kita berjumpa lagi di sesi ulasan Laporan LAKSANA ke-46 ini. Seperti biasa, saya harap semua di luar sana mematuhi SOP bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19.
2. Laporan LAKSANA ke-46 akan didahului dengan ulasan tentang isu semasa dan akan menyentuh status pelaksanaan BELANJAWAN 2021, PERMAI, PENJANA dan KITA PRIHATIN.

ULASAN ISU SEMASA

Tuan-Puan dan Puan-Puan sekalian,

STATUS HUTANG NEGARA

3. Saya terpanggil untuk menjawab isu berkaitan hutang negara kerana ramai pihak yang membangkitkan isu ini. Maka, saya akan menjawab dalam tiga poin ringkas.
 - a) **Hutang Kerajaan masih di bawah had statutori mengikut undang-undang;**
 - i) Had statutori yang selalu disebut-sebut adalah had statutori untuk instrumen hutang yang diterbitkan Kerajaan, iaitu Malaysian Government Securities (MGS), Malaysian Government Investment Issues (MGII) dan Malaysian Islamic Treasury Bills (MITB). Jenis-jenis hutang yang dikira di bawah had

statutori ini adalah di bawah Akta yang digunapakai oleh Kerajaan sejak 2009 lagi, bukan terjemahan saya seorang. Dalam kata mudah, definisi hutang statutori tidak pernah berubah dari tahun 2009.

- ii) Jumlah hutang bagi 3 instrumen terbitan Kerajaan ini pada akhir Disember 2020 adalah 58% daripada KDNK. Pada akhir Februari 2021, jumlah hutang ini adalah 54% KDNK dan dijangka mencecah 58.5% pada akhir tahun ini. Jadi masih belum melepasi had hutang statutori 60%.
- iii) Instrumen hutang lain pula mempunyai had statutori masing-masing dan kesemuanya masih di bawah had Akta iaitu;
 - * RM35 bilion untuk pinjaman luar negeri; dan
 - * RM10 bilion untuk hutang Bil Perbendaharaan Malaysia.

b) Keutamaan Kerajaan adalah untuk membantu rakyat dan perniagaan hadapi cabaran COVID-19;

- i) Dalam keadaan ekonomi biasa, kerajaan perlu mengimbangi di antara perbelanjaan untuk rakyat dan kadar hutang negara.
- ii) Namun, apabila negara berada dalam krisis ekonomi, maka, keperluan perbelanjaan untuk rakyat akan lebih besar menyebabkan paras hutang juga meningkat.
- iii) Ekoran itu, Kerajaan telah meletakkan kepentingan untuk membantu rakyat sebagai keutamaan, termasuk dengan menyuntik sejumlah RM340 bilion ke dalam ekonomi melalui beberapa siri pakej stimulus. Walaupun ia menaikkan hutang kita, namun ia masih tidak melepasi had statutori seperti yang telah dijelaskan di atas.
- iv) Pada masa yang sama, Kementerian Kewangan akan terus memantau hutang negara bagi memastikan ia terkawal bagi mengekalkan keyakinan pelabur dan agensi antarabangsa. Tanpa keyakinan mereka, rakyat akan terkesan dengan pelbagai kesan negatif seperti kurangnya pewujudan pekerjaan dan peluang perniagaan.

c) Kita berbahas soal had hutang, jumlah hutang, tetapi apakah pecahan hutang-hutang tersebut?

- i) Hutang ni ada hutang yang baik dan hutang yang buruk. Hutang yang baik adalah seperti pinjaman yang kita ambil untuk tampung kos inisiatif bagi membantu rakyat dan menyelamatkan pekerjaan. Pinjaman bagi membangunkan infrastruktur untuk Rakyat seperti lebuh raya dan kemudahan awam lain juga adalah contoh hutang yang baik.
- ii) Apa pula hutang yang buruk? Hutang yang buruk adalah hutang yang tidak membawa sebarang faedah ekonomi atau manfaat untuk rakyat hari ini.

- iii) Ada sebahagian hutang yang perlu Kerajaan urus hari ini disebabkan bebanan hutang legasi. Walaupun hutang ini bukan hutang yang dibuat Kerajaan hari ini, tetapi ia tetap hutang yang perlu kita uruskan. Kesannya memang besar tetapi kita cuba uruskan.
- iv) Ini bukan alasan Kerajaan untuk tidak berbelanja untuk rakyat. Seperti mana yang saya sebut sebelum ini, Kerajaan tetap utamakan perbelanjaan untuk rakyat melalui Strategi 6R.
- v) Saya harap ini dapat menjawab soalan beberapa pihak. Namun bagi rakyat umumnya, jangan putus harapan. Program vaksinasi hari ini telah memberi harapan bahawa cabaran yang dibawa COVID-19 ada penghujungnya. PEMERKASA, iaitu sebuah inisiatif di bawah Strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R, akan menyediakan rakyat dan perniagaan untuk bangkit kembali apabila COVID-19 ini berakhir. InsyaAllah, kita mampu bangkit semula dengan lebih berjaya.

GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) TAMBAHAN (PERMAI)

Tuan-Puan dan Puan-Puan sekalian,

- 4. Di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Kerajaan telah menyatakan komitmen bagi **bantuan kewangan secara one-off sebanyak RM1,000** melalui Geran Khas Prihatin (GKP) Tambahan kepada PKS mikro di 12 negeri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta **RM500** kepada PKS mikro di negeri bukan PKP yang berkuatkuasa pada bulan Januari dan Februari 2021. GKP Tambahan ini bertujuan meringankan beban kewangan perniagaan ekoran penularan wabak COVID-19 dan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran dan perkhidmatan PKS mikro.
- 5. Sukacita dimaklumkan bahawa semua **PKS mikro** yang telah diluluskan di bawah GKP 1.0 dan GKP 2.0 akan menerima bayaran GKP Tambahan mulai **25 Mac 2021**, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM883 juta. Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan dalam sistem GKP dan semakan status kelulusan boleh dibuat mulai 24 Mac 2021 di Portal GKP. Mengambil kira GKP 1.0, GKP 2.0 dan GKP Tambahan yang diluluskan, jumlah keseluruhan penerima GKP adalah hampir **900,000 PKS mikro** dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak **RM3.58 bilion**.

MEMERKASA SISTEM KESIHATAN AWAM & MENGEKANG PENULARAN COVID-19

Saudara-saudari yang saya hormati,

6. Berkali-kali Kerajaan telah menyatakan bahawa tiada kompromi di dalam pemerkasaan kesihatan awam negara.
7. Sehubungan itu, dari segi **Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)** yang diumumkan di dalam Pakej PRIHATIN, setakat **12 Mac 2021, sebanyak RM565.4 juta telah disalurkan berdasarkan hampir 1.65 juta tuntutan** (berbanding RM560.16 juta melibatkan 1.62 juta tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
8. Di bawah PERMAI pula, setakat 15 Januari 2021, seramai 3,591 petugas kesihatan kontrak telah diluluskan untuk menampung keperluan perkhidmatan yang mendesak susulan peningkatan kes COVID-19. Sehingga 15 Mac 2021, seramai 2,586 petugas kesihatan yang meliputi skim perkhidmatan Pegawai Sains, Juru Xray Diagnostik, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat telah selesai dilantik. Baki 1,005 petugas kesihatan kontrak masih dalam proses saringan dan dijangka selesai pada akhir bulan Mac 2021. Status pelantikan yang terperinci adalah seperti berikut:

Skim Perkhidmatan	Kelulusan	Lantikan	Status
Jururawat (U29)	2,244	1,239	Baki 1,005 - dalam proses saringan
Penolong Pegawai Perubatan (U29)	835	835	Selesai
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (U29)	100	100	Selesai
Juruteknologi Makmal Perubatan (U29)	273	273	Selesai
Juru Xray Diagnostik (U29)	133	133	Selesai
Pegawai Sains (U41)	6	6	Selesai
JUMLAH	3,591	2,586	1,005

PENGEKALAN DAN PENJANAAN PEKERJAAN

Tuan-Puan dan Puan-Puan sekalian,

9. Seterusnya, saya ingin mengulas mengenai penajaan dan pengendalian pekerjaan, di mana dari segi **Program Subsidi Upah (PSU) 1.0**, sehingga 26 Februari 2021, iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima

manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Setakat 12 Mac, permohonan subsidi upah yang diluluskan telahpun mencapai nilai **RM12.837 bilion**.



*Jumlah kumulatif

** Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

10. Sementara itu, di bawah KITA PRIHATIN pula, kita ada **Program Subsidi Upah (PSU 2.0)**. Setakat 12 Mac, sejumlah **RM1.094 bilion** telah disalurkan kepada **72,531** majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **619,821** pekerja.



*Jumlah Kumulatif

11. **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Setakat 12 Mac, seramai **137,075 peserta telah diluluskan** (berbanding 137,028 peserta pada minggu sebelumnya) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang dimaklumkan di dalam laporan bertulis, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, anda semua dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)	SME Development Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0) Place & Train Gerak Insan Gemilang (GIG) B40 Development
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	INSKEN Business Training Program Micro Connector
Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan & Keselamatan Kebiasaan Baharu Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke
East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html)	ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)
Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)	JomNiaga@NCER JomKerja@NCER
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)	Program Ekonomi Gig Program Keusahawanan

12. Sebagai satu jaringan keselamatan sosial bagi membantu pekerja yang hilang pekerjaan melalui bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baru, **Sistem Insurans Pekerjaan** di bawah PERKESO telah berjaya menyalurkan RM366.37 juta kepada lebih 107,000 individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020. Setakat 14 Mac 2021, PERKESO telah **membantu lebih daripada 18 ribu pekerja** yang kehilangan pekerjaan dengan **menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM 85.96 juta**. Jumlah ini adalah termasuk dengan penambaan Elaun Mencari Pekerjaan yang telah diumumkan di bawah Belanjawan 2021.
13. Selain itu, seperti yang saya sebutkan tadi, sehingga 15 Mac 2021, kita juga telah melantik seramai 2,586 petugas kesihatan yang meliputi skim perkhidmatan Pegawai Sains, Juru Xray Diagnostik, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat.
14. Saya juga ingin berkongsi bahawa menurut kaji selidik FMM-MIER¹ yang diumumkan pada awal Mac, lebih banyak pekerjaan terdapat di sektor pembuatan baru-baru ini, seperti yang ditunjukkan dalam indeks pekerjaan yang meningkat dari 82 pada separuh

¹ [https://www.fmm.org.my/General-Information-@-FMM-%E2%80%93-MIER-Business-Conditions-Survey-2H2020-\(GI-s-04-s-2021\).aspx](https://www.fmm.org.my/General-Information-@-FMM-%E2%80%93-MIER-Business-Conditions-Survey-2H2020-(GI-s-04-s-2021).aspx)



pertama tahun 2020 kepada 95 pada separuh kedua tahun 2020. Walaupun tahap optimisme masih kurang, namun sentimen bertambah baik pada masa ini. 15% daripada majikan telah meningkatkan jumlah pekerja mereka pada akhir tahun 2020, berbanding 6% pada tempoh Separuh Pertama tahun 2020. Majoriti pengambilan pekerja baru pada tahun 2021 adalah untuk operasi, bahagian teknikal dan penjualan / pemasaran.

PEMERKASAAN PKS

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

Seterusnya ialah **Pemeriksaan PKS**. Di bawah **PENJANA**, ada beberapa inisiatif yang telah dilancarkan.


15. **Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).** Setakat 12 Mac 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujui terima oleh PKS adalah **RM11.75 bilion** yang akan memberi manfaat kepada **24,819 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility (SRF)*, *Automation & Digitalisation Facility (ADF)*, *All-Economic Sector Facility (AES)* dan *Agrofood Facility (AF)*.



*Jumlah Kumulatif

Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti **ADF, AES dan AF**. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui **platform imSME** di pautan <https://imsme.com.my/portal/bm/> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.

- 16. Bagi pembiayaan PKS PENJANA pula,** peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat 13 Mac, sebanyak **7,205 permohonan telah diluluskan dengan jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.356 bilion.**



*Jumlah Kumulatif

- 17. Bumiputera Relief Financing (BRF)** berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) pula adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta** bagi PKS terlibat. Setakat 12 Mac, dana ini telah disalurkan kepada **670 PKS** melibatkan jumlah **RM193.1 juta** (berbanding 662 PKS dengan jumlah RM191.1 juta minggu sebelumnya). Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan: https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan_Lazim_BRF_FINAL.pdf
- 18. Dari segi sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan pula,** pembiayaan bernilai **RM400 juta** telah diperuntukkan bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank. Sebanyak **RM107.23 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **9,400 PKS Mikro pertanian** (berbanding RM85.05 juta bagi 7,723 PKS Mikro pertanian pada minggu sebelumnya). Jaminan makanan (food security) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Penjana dan juga Belanjawan 2021.

PEMERKASAAN RAKYAT

Saudara-saudari sekalian,

19. Ada beberapa lagi inisiatif di luar skop Penjanaan Pekerjaan dan Pemerkasaaan PKS yang ingin saya laporkan.
20. **Bagi Skim i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**, setakat **12 Mac 2021**, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak **RM19.45 bilion** dan melibatkan **5.23 juta penerima** (berbanding RM18.58 bilion dan melibatkan 5.18 juta penerima pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan **Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS)** yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: <https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service>
21. Seterusnya adalah **program i-Sinar**. Mulai 8 Mac 2021, kelayakan permohonan kemudahan i-Sinar telah ditambahbaik bagi membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup. **Setakat 14 Mac 2021, pengeluaran sebanyak RM52.48 bilion telah diluluskan yang melibatkan seramai 5.94 juta pemohon**. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM32.74 bilion telah pun dikreditkan**.
22. Bagi inisiatif **CENDANA khas untuk industri kreatif pula**, sebanyak **RM2.16 juta** telah disalurkan kepada **393 penerima** (berbanding RM2.08 juta untuk 379 penerima pada minggu sebelumnya). Penerima termasuk mereka daripada kalangan seniman dan organisasi yang terlibat aktif dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Para penggiat industri kreatif adalah disarankan untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan ini dalam menghasilkan karya-karya mereka. Semua pemain industri terlibat boleh memohon bantuan dari kedua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

PENUTUP

23. Sekian sahaja laporan saya buat kali ini. Sebagai penutup, sekali lagi saya mengingatkan semua agar terus mengikut SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian. Pemulihan ekonomi sebahagiannya disandarkan kepada kemampuan kita untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.
24. Dalam pada itu, Kerajaan tidak akan berhenti memberikan sokongan terhadap kapasiti kesihatan awam, dan menjamin kelangsungan perniagaan serta melindungi punca rezeki Rakyat melalui bantuan yang akan diteruskan. Kerajaan tetap akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membendung wabak COVID-19 dan memastikan proses pemulihan ekonomi dapat diteruskan.
25. Sehubungan itu, saya ingin menyarankan kepada semua rakyat Malaysia agar mendaftarkan diri masing-masing untuk vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera. Ingatlah bahawa ini amat penting untuk kita memastikan agar ekonomi kita mampu pulih dan kembali berkembang, mulai separuh kedua tahun 2021 ini, InsyaAllah.
26. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

Berpuput angin berarak gemawan,
Cuaca terlihat tidaklah mendung;
Pakej Kerajaan terangkum bantuan,
Ekonomi dan Rakyat sama terlindung.

27. Sekian, jaga diri dan *stay safe*. Terima kasih.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
24 Mac 2021